



جابتن حال إحوال إكمام إسلام قولوا فينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
AIDILFITRI:
KEMBALI KEPADA FITRAH,
LINDUNGI AMANAH ALLAH



Tarikh Bacaan:
1 SYAWAL 1446H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Teks Khutbah Aidilfitri 1446H

**AIDILFITRI: KEMBALI KEPADA FITRAH,
LINDUNGI AMANAH ALLAH**

(1 Syawal 1445H)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ كَثِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ،
صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ، وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْمَحْمُودِ بِلِسَانِ الْمُؤْمِنِينَ، الْمَتَّفِضِلِ عَلَى الْخَلْقِ أَجْمَعِينَ، لَا نُحْصِي
نِعْمَهُ، وَلَا نَعُدُّ آلَاءَهُ، فَلَهُ الْحَمْدُ كُلُّهُ، وَتَبَارَكَ اسْمُهُ، وَتَعَالَى جَدُّهُ، وَلَا إِلَهَ غَيْرُهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ؛ شَرَعَ
لَأُمَّتِهِ الْأَعْيَادَ الشَّرْعِيَّةَ فَأَغْنَاهَا عَنْ أَعْيَادِ الْجَاهِلِيَّةِ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ وَبَارَكَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَزْوَاجِهِ وَآلِهِ الطَّاهِرِينَ، وَعَلَى
صَحَابَتِهِ الْغُرِّ الْمَيَامِينِ، وَعَلَى التَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ؛ فَاتَّقُوا اللَّهَ، أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.



اتَّقَوْهُ... وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾ يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِيعِ
اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾ [الأحزاب: 70، 71]، وَاحْمَدُوا رَبَّكُمْ حَيْثُ جَعَلَ لَكُمْ
عِيدًا عَظِيمًا وَمَوْسَمًا جَلِيلًا كَرِيمًا.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

PARA TETAMU ALLAH YANG DIMULIAKAN,

Puji dan syukur yang tiada hentinya kita panjatkan kepada Allah SWT yang telah memberikan nikmat besar kepada kita semua iaitu mempertemukan dengan hari raya Aidilfitri. Sesungguhnya, hari ini adalah hari meraikan kemenangan bagi umat Islam, yang telah memanfaatkan setiap detik dalam Ramadan dengan amal kebaikan.

Melalui mimbar yang mulia ini, khatib mengajak diri khatib sendiri, keluarga, dan semua jemaah yang hadir, untuk terus istiqamah dalam menjalankan ibadah dan meningkatkan iman dan taqwa kepada Allah, serta menjauhi semua larangan-Nya. Tidak ada bekal yang paling baik untuk kita bawa menuju akhirat selain taqwa kepada Allah SWT.

Sempena 1 Syawal yang berbahagia ini, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: **“Aidilfitri: Kembali kepada Fitrah, Lindungi Amanah Allah”**.

SIDANG HADIRIN HADIRAT YANG DIMULIAKAN,

Saat ini, kita telah pun melangkah ke 1 Syawal, menandakan berlalunya Ramadan yang penuh keberkatan. Selama sebulan, kita telah berusaha menunaikan ibadah puasa dan menghidupkan malam-malamnya dengan pelbagai amalan soleh. Kita menahan diri daripada segala perkara yang

boleh mengurangi nilai ibadah, menguatkan kesabaran, serta mendekatkan diri kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Kini, tibalah saatnya kita merayakan kemenangan dengan penuh kesyukuran di Aidilfitri yang mulia. Detik pertama yang mesti kita hiasi adalah dengan memperbanyakkan laungan takbir dan tahmid, membesarkan Asma' Allah sebagai tanda syukur atas limpahan taufik dan hidayah-Nya. Dengan izin-Nya, kita telah berjaya menyempurnakan ibadah Ramadan dan kini menyambut Syawal dengan hati yang suci.

Hal ini sebagaimana ditegaskan dalam Al-Quran melalui Surah al-Baqarah ayat 185:

... **وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْتُكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ** ﴿١٨٥﴾

Maksudnya: *"...Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya (sebulan Ramadan) dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu semoga kamu bersyukur."*

SIDANG JEMAAH MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI SEKALIAN,

Aidilfitri juga merupakan saat terbaik untuk memperkukuh kasih-sayang dalam rumahtangga.

Para suami, jangan pernah lupa insan yang sentiasa di sisi. Ibu kepada anak-anak kita itulah yang paling lelah menyiapkan segala keperluan keluarga. Wahai nakhoda rumahtangga, jadilah suami yang soleh lagi amanah kepada para isteri. Lihatlah akhlak Baginda Nabi *صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* kepada keluarga Baginda. Sebuah hadis diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah *رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا* bahawa Rasulullah *صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* bersabda:

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي

Maksudnya: “Sebaik-baik kamu adalah yang paling baik terhadap isterinya dan aku adalah yang paling baik terhadap isteriku”. (Hadis Riwayat at-Tirmizi)

Hadis ini mengajarkan bahawa, kebaikan seseorang diukur melalui layanan terhadap keluarganya. Rasulullah ﷺ telah menunjukkan kasih-sayang kepada isterinya dengan berbicara lembut, membantu kerja rumah dan meluangkan masa bersama. Pernah diceritakan bahawa, Baginda sendiri menjahit pakaiannya dan membantu isterinya Saidatina Aisyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا dalam urusan rumah tangga.

Wahai suami mithali, hargailah setiap pengorbanan pasangan kita. Hari ini, genggamlah jari-jemari mereka, peluk, dan ucapkanlah terima kasih. Kebahagiaan rumahtangga bukan terletak pada kemewahan, tetapi pada keikhlasan, penghargaan dan cinta yang tulus antara suami, isteri, anak-anak dan seluruh ahli keluarga.

HADIRIN HADIRAT RAHIMAKUMULLAH,

Khusus buat para isteri solehah pula, khatib ingin menitipkan pesanan. Hargailah para suami yang setiap hari berjuang mencari rezeki demi memenuhi keperluan keluarga. Dengan keringat dan usaha merekalah, para isteri dan anak-anak dapat menikmati kehidupan yang selesa, mengenakan pakaian yang indah pada hari yang mulia ini.

Wahai isteri, ucapkanlah kata-kata penghargaan, zahirkanlah kasih sayang dan cinta yang tulus, kerana sekecil mana pun penghargaan itu, ia mampu mengukuhkan ikatan rumahtangga.

Teruslah bersabar, meskipun kepenatan menekan. Bertaballah, walau diuji dengan pelbagai dugaan. Bertuturlah dengan penuh kelembutan, kerana kata yang lembut ibarat air; meskipun tenang, ia mampu melekukkan batu. Begitu juga santunan kata yang baik dari si isteri, dapat melembutkan hati suami, walaupun ia sekeras besi.

Jadikanlah setiap tugas yang dilaksanakan sebagai ladang menjana pahala kebaikan. Ingatlah, setiap pengorbanan yang ikhlas semata-mata kerana Allah, akan menjadi saham di Hari Penghitungan. Rasulullah ﷺ bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibban:

إِذَا صَلَّتِ الْمَرْأَةُ حَمْسَهَا، وَصَامَتْ شَهْرَهَا، وَحَصَّنَتْ فَرْجَهَا، وَأَطَاعَتْ بَعْلَهَا
دَخَلَتْ مِنْ أَيِّ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ شَاءَتْ

Maksudnya: *“Jika seorang wanita menunaikan solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadan, menjaga maruahnya, dan taat kepada suaminya, maka dia boleh memasuki syurga melalui mana-mana pintu yang dia kehendaki.”*

SIDANG JEMAAH MUSLIMIN MUSLIMAT,

Di samping itu, dalam keasyikan mengatur atau menganjur rumah terbuka, berkunjung sesama sanak saudara dan sahabat handai, jangan sesekali alpa terhadap keselamatan, adab dan didikan anak-anak.

Pastikan kita dan mereka tidak berlebihan menikmati juadah. Jangan sampai memudaratkan kesihatan. Awasi juga pergaulan mereka baik secara fizikal mahupun di alam maya, agar tidak terpengaruh dengan perkara yang melalaikan atau bertentangan dengan syariat.

Yang lebih utama, tanamkan dalam jiwa mereka nilai kesyukuran dan kesederhanaan dalam menyambut Aidilfitri. Ingatlah, anak-anak adalah amanah Allah. Kelalaian dalam membimbing mereka boleh menjadi beban besar di akhirat kelak.

Manfaatkan Aidilfitri ini untuk menyemai kasih sayang, hormat-menghormati dan kebersamaan dalam keluarga. Bimbing mereka memahami hakikat sebenar Aidilfitri; bukan sekadar pakaian baharu atau juadah enak sahaja, tetapi hari di mana hati kembali suci, silaturahim dieratkan, iman dan taqwa diperkukuhkan.

Ibnu Umar رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ meriwayatkan, bahawa Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya: *"Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap pemimpin bertanggungjawab terhadap orang di bawah pimpinannya"*. (Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

TETAMU ALLAH YANG DIRAHMATI SEKALIAN,

Di samping itu, bagi mereka yang masih mempunyai "kunci syurga", usah sesekali melupakan jasa dan pengorbanan ibu dan ayah yang telah membesarkan kita dengan penuh kasih sayang. Mereka telah berpenat lelah dalam memastikan kehidupan kita terjaga dan terpelihara. Pulanglah, bermaaf-maafan, gembirakan dan doakan kesejahteraan mereka.

Jika ibu bapa masih ada, peluklah mereka dengan kasih, cium tangan mereka dengan penuh hormat, dan luangkan masa bersama mereka dengan sepenuh jiwa. Itulah tanda bakti seorang anak yang soleh.

Bagi yang ibu bapanya telah tiada, jangan biarkan rindu sekadar menjadi air mata yang jatuh sia-sia. Terangilah kubur mereka dengan doa, panjatkan keampunan buat mereka, dan jadikan setiap amal kebajikan kita sebagai bekal bagi ketenangan roh mereka di alam barzakh.

Firman Allah dalam Surah Al-Isra', ayat 23:

"Dan Tuhanmu telah memerintahkan agar kamu tidak menyembah selain Dia dan hendaklah berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berusia lanjut dalam pemeliharaanmu, maka janganlah engkau mengatakan kepada mereka 'ah' dan janganlah engkau membentak mereka, tetapi ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia."

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Di saat kita bergembira menyambut Aidilfitri, jangan kita lupakan saudara-saudara kita di Palestin. Mereka kehilangan keluarga, harta dan tempat berlindung akibat kezaliman yang berterusan. Mereka bertarung antara hidup dan mati, sementara kita di sini menyambut hari raya dengan aman dan bahagia.

Kita mungkin tidak dapat bersama mereka secara fizikal, tetapi bantulah mereka dengan doa, sumbangan dan kesedaran. Jangan biarkan penderitaan mereka berlalu begitu sahaja tanpa kita berbuat sesuatu. Marilah kita berdoa agar Allah memberikan kekuatan kepada mereka, menghancurkan kezaliman, dan mengurniakan kemenangan kepada umat Islam di seluruh dunia.

Firman Allah dalam Surah Al-Ma'idah, ayat 2 yang bermaksud:

"...Dan tolong-menolonglah kamu dalam perkara kebaikan dan takwa, dan janganlah tolong-menolong dalam melakukan dosa dan permusuhan....."

MUSLIMIN MUSLIMAT RAHIMAKUMULLAH,

Demi meraih keberkatan Syawal, marilah kita hayati lima perkara penting yang dapat menjadi pedoman dalam menyambut Aidilfitri agar lebih bermakna:

Pertama: Aidilfitri adalah hari kemenangan. Raikan dengan takbir dan syukur atas kejayaan mengharungi Ramadan.

Kedua: Aidilfitri sebagai titik muhasabah. Jadikan Syawal sebagai permulaan untuk terus istiqamah dalam ibadah dan meningkatkan ketakwaan.

Ketiga: Kebahagiaan rumah tangga adalah tanggungjawab bersama. Suami isteri hendaklah saling menghargai, menyayangi, dan menunaikan hak masing-masing dengan meneladani akhlak Rasulullah ﷺ.

Keempat: Syawal adalah masa untuk menghargai dan bersyukur. Eratkan hubungan suami isteri dengan saling berterima kasih dan menghargai. Kebahagiaan tidak terletak pada kemewahan, tetapi pada keikhlasan dan kasih sayang yang tulus.

Kelima: Anak-anak adalah amanah Allah. Didiklah mereka dengan adab dan akhlak Islam serta banyakkkan bersyukur dan bersabar agar mereka membesar dalam redha-Nya.

Semoga kita semua terus diberi hidayah dan kekuatan untuk menjadi hamba Allah yang bertakwa serta ibu bapa yang bertanggungjawab.

Mudah-mudahan Aidilfitri ini melimpahkan barakah dalam kehidupan kita semua.

Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى berfirman dalam Surah At-Taghabun, ayat 15:

إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٥﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya harta benda dan anak-anak kamu itu hanyalah ujian (bagi kamu), dan di sisi Allah jualah pahala yang besar*”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ. وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ



Khutbah Kedua Aidilfitri

(1 Syawal 1445H)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

اللَّهُ أَكْبَرُ كَثِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ لَنَا فِي يَوْمِنَا عِيدًا، وَوَهَبَ لَنَا فِيهِ أَجْرًا مَزِيدًا، فَالْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى صِيَامِ شَهْرِ رَمَضَانَ وَإِتِّمَامِ أَيَّامِهِ، فَالْحَمْدُ رَبَّنَا أَوْلًا وَأَخْرًا، ظَاهِرًا وَبَاطِنًا. وَنُصَلِّي وَنُسَلِّمُ عَلَى خَيْرِ خَلْقِ اللَّهِ، مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ نَصَرَهُ وَوَلَاهُ. أَمَا بَعْدُ؛ فَاتَّقُوا اللَّهَ، عِبَادَ اللَّهِ، فَإِنَّهَا أَعْظَمُ مَا أُبْتَغَى بِهِ رَحْمَةُ اللَّهِ؛ (وَإِنْ

تُؤْمِنُوا وَتَتَّقُوا فَلَكُمْ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٧٨﴾ سورة آل عمران

MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI SEKALIAN,

Syukur ke hadrat Allah kerana kita masih diberikan kesempatan untuk meraikan Aidilfitri dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran. Justeru sebagai bukti, apa yang perlu kita lakukan selepas solat hari raya ini?

Pertama, jadikan hari raya sebagai peluang untuk bermaaf-maafan, mengeratkan silaturahmi dan ukhuwah. Bersalamanlah dengan ahli keluarga, sanak saudara dan sahabat handai, kerana hubungan yang erat mengukuhkan perpaduan umat Islam.

Kedua, jauhi perkara-perkara yang melalaikan dan bertentangan dengan syarak. Jagalah batas pergaulan dan aurat, serta elakkan tabarruj atau berlebihan dalam berhias. Jangan biarkan kegembiraan hari raya dicemari dengan perkara yang boleh mengundang kemurkaan Allah.

Ketiga, dalam menikmati juadah hari raya, pastikan kita tidak berlebihan dalam makan dan minum kerana Allah tidak menyukai orang yang melampaui batas. Firman Allah dalam Surah Al-A'raf, ayat 31:

"Makan dan minumlah, tetapi jangan berlebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berlebih-lebihan".

Selain itu, kita wajib memastikan setiap makanan yang diambil adalah **halal** serta berhati-hati dalam pemilihan makanan agar tidak termasuk dalam perkara yang syubhah atau haram.

Keempat, ziarahi kubur. Walaupun tiada suruhan khusus daripada Nabi ﷺ untuk menziarahi kubur selepas solat Aidilfitri, tiada juga larangan ke atasnya. Maka, pilihlah waktu yang sesuai untuk menziarahi pusara ahli keluarga, dengan adab yang baik, membaca doa dan mengingatkan diri tentang kematian yang pasti tiba.

MUSLIMIN DAN MUSLIMAT YANG DIMULIAKAN,

Di samping itu, jangan lupa untuk meneruskan puasa sunat enam hari dalam bulan Syawal ini. Bukankah Rasulullah ﷺ telah berpesan



dengan sabda Baginda melalui hadis daripada Saidina Abu Ayyub al-Ansari:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ

Maksudnya: “Sesiapa yang telah berpuasa Ramadan kemudian diikuti pula dengan berpuasa enam hari di bulan Syawal, maka pahalanya adalah seperti berpuasa sepanjang tahun.” (Hadis Riwayat Muslim)

Selain itu, marilah kita memperbanyakkan selawat dan salam kepada junjungan mulia Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. Allah سُبحَانَهُ وَتَعَالَى berfirman dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kamu ke atasnya serta ucapkanlah salam dengan penghormatan yang sempurna”.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَتَابِعِيهِمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْحَمْنَا مَعَهُمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ وَاخْذُلْ مَنْ خَدَلَ الدِّينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَنَا أَعْدَاءَ الدِّينِ
وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمَشْرِكِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَاتِكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اكْفِنَا شَرَّ

الظَّالِمِينَ وَآكِفِنَا شَرَّ الْحَاسِدِينَ. وَآكِفِنَا شَرَّ مَنْ يُؤْذِنَا وَأَهْلِكَ مَنْ أَرَادَنَا بِالسُّوءِ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَائِنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.
اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَأَشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
dan Toh Puan Khadijah Binti Mohd Noor.

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ آمَنُوا
رَبَّنَا إِنَّكَ رءُوفٌ رَحِيمٌ. وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولواو فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG